



Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

"TETAP PIKUL TUGAS WALAUPUN JADI MANGSA BENCANA"

KUALA TERENGGANU, 2 FEB - Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim tiba di sini hari ini untuk menyampaikan sumbangan bencana banjir kepada warga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang terlibat.

"Saya amat bersyukur dan berterima kasih kepada semua warga KPWKM yang telah bersama-sama berganding bahu dalam menjalani tugas ketika berhadapan dengan banjir walaupun tanpa disedari petugas kita juga merupakan antara mangsa tersebut," kata Rohani ketika merasmikan Majlis Penghargaan Penyampian Warga Kementerian dan Agensi di bawah KPWKM yang Terlibat Mangsa Banjir di Negeri Terengganu dan Kelantan.

Dalam majlis berkenaan, Rohani telah menyerahkan sumbangan sebanyak RM25,000 kepada warga kakitangan agensi di bawah KPWKM yang terlibat dengan bencana banjir yang diwakili oleh pengarah LPPKN negeri Terengganu.

"Dengan cara ini, saya berharap agar sumbangan yang dihulurkan ini sedikit sebanyak dapat membantu meringankan mereka sekurang-kurangnya untuk membeli keperluan asas," kata Rohani.

Dalam majlis tersebut juga, satu sesi perkongsian ilmu berkenaan dengan pengurusan banjir di Kemaman yang disifatkan berada pada tahap terbaik merangkumi pelbagai aspek bantuan terutamanya dari segi prosedur operasi standard yang diselaraskan dengan baik.

Antara penambahbaikan yang dilaksanakan di Kemaman ialah memulakan mesyuarat pengurusan bencana daerah seawal April serta

simulasi pada bulan November, pembinaan tiga tempat pendaratan helikopter di kawasan yang terputus hubungan darat dan persediaan penduduk Kemaman sendiri yang tahu mengenai tindakan yang perlu dilakukan saebaik daerah itu dilanda banjir. Kerajaan negeri juga akan mendapatkan peruntukan daripada kerajaan pusat untuk meneruskan projek tebatan banjir dan pada masa sama menambah baik pelan pengurusan banjir di Kemaman.

"Kita mahu pengurusan banjir di bawah KPWKM juga sentiasa berada pada tahap terbaik, malah turut bersedia dengan apa jua bencana," tambah Rohani lagi.

Turut hadir sama dalam majlis tersebut ialah YBhg. Dato' Sabariah Hassan, Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg. Dato' Norsham binti Rahin, Timbalan Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg. Dato' Norani Binti Mohd Hashim, Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat, YBhg. Dato' Dr. Siti Norlasiah Binti Ismail, Ketua Pengarah, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara dan YBhg. Dato' Munirah Binti Abdullah Bajanuddin, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita.

YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim dijangka akan ke Kelantan bagi penyampaian sumbangan kepada kakitangan agensi di bawah KPWKM disamping mengadakan lawatan meninjau kerosakan rumah kakitangan dan pejabat agensi di negeri tersebut.

#####

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat
No.55 Persiaran Perdana, Presint 4,
Putrajaya
Telefon : 03 – 8323 1000
Tarikh : 2 Februari 2015